



Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: (79dlm.JK/MA 38 Vol.IV

Tarikh: 26 April 1999

Semua Timbalan Pendaftar/
Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya

Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan

ARAHAN AMALAN BIL. 1 TAHUN 1999
Pengeluaran *Instrument of Admission (Enrolment Certificate)*
Peguam Yang Diterima Masuk Sebagai Peguamcara dan Peguambela
Mahkamah Tinggi Malaya



Saya dengan hormatnya diarahkan merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Y.A.A. Hakim Besar Malaya telah mengarahkan supaya amalan untuk pengeluaran *Instrument of Admission (Enrolment Certificate)* bagi peguam yang telah diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya adalah dibuat seperti berikut:

- I. Selepas pemetisyen diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya hendaklah memfailkan Draf Perintah, Perintah Bersih (*Fair Order*) dan juga *Instrument of Admission* yang telah dipenuhi ke Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi yang berkenaan untuk diluluskan oleh Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar.
- II. Apabila Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar meluluskan Draf Perintah dan juga Perintah Bersih maka Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar berkenaan hendaklah menghantar *Instrument of Admission* kepada Y.A. Hakim yang membenarkan petisyen tersebut untuk ditandatangani oleh beliau.
- III. *Instrument of Admission*, Draf Perintah, Perintah Bersih hendaklah dikembalikan kepada pemetisyen dalam jangka masa yang munasabah.

3. Sehubungan dengan itu amalan sebelum ini di mana Y.A.A. Hakim Besar Malaya menandatangani *Instrument of Admission* tidak lagi diteruskan. Ini bermakna bagi petisyen-petisyen yang dibuat sebelum berkuatkuasanya amalan ini yang mana belum dikeluarkan *Instrument of Admission*, maka Hakim yang mendengar petisyen itu hendaklah menandatangani *instrument* tersebut.

4. Untuk makluman Dato'/tuan/puan, pada masa ini pengeluaran dan pencetakan *Instrument of Admission (Enrolment Certificate)* adalah dikendalikan oleh Majlis Peguam dan tidak lagi oleh Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya.

5. Sukacita sekiranya Dato'/tuan/puan dapat mengambil tindakan sewajarnya keatas arahan-arahan di atas.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah



(**MAT ZARAAI BIN ALIAS**)

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Kuala Lumpur

s.k.

Y.A.A. Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur

Pegawai Khas kepada
YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur

Timbalan Pendaftar
Bahagian Rayuan dan Kuasa-Kuasa Khas
Mahkamah Tinggi
Wisma Denmark
Kuala Lumpur



Perpustakaan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur

Majlis Peguam
No. 5 Jalan Tun Perak
50500 Kuala Lumpur

MZA/fz
pekpmt